

Headline	JAS kompaun SWM Pontian RM8,000		
MediaTitle	Sinar Harian (Johor)		
Date	07 Dec 2017	Color	Full Color
Section	News	Circulation	160,000
Page No	17	Readership	509,000
Language	Malay	ArticleSize	344 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 2,410
Frequency	Daily	PR Value	RM 7,229



JAS kompaun SWM Pontian RM8,000

Akibat pembakaran terbuka di tapak pelupusan sampah Pekan Nanas

SHAFIQ TINO

JOHOR BAHRU - Syarikat konsesi, SWM Enviroment (SWM) Sdn Bhd Pontian dikenakan empat kompaun masing-masing berjumlah RM 2,000 oleh Jabatan Alam Sekitar (JAS) semalam, kerana melakukan pembakaran terbuka di tapak pelupusan sampah Pekan Nanas, baru-baru ini.

Pengarah JAS Johor, Datuk Dr Mohammad Ezanni Mat Salleh berkata, selain tindakan kompaun, pegawai penyiasatnya juga sudah mengambil keterangan daripada wakil SWM, Majlis Daerah Pontian (MDP) dan Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM).

Menurutnya, JAS juga melakukan siasatan susulan sejak Sabtu lalu selain mendapati kebakaran masih berlaku.

"Kekurangan sumber air dan bantuan jentera ditambah faktor cuaca yang panas dan angin menyukarkan kerja pepadaman.

"Bagaimanapun, ia dapat dikawal oleh JBPM dengan



Foto: IHSAN JPBM

Keadaan di tapak pelupusan sampah Pekan Nanas yang terbakar.

bantuan jengkaut dan jentolak bagi memastikan punca kebakaran dari timbunan sampah dapat dipadamkan," katanya.

Mohammad Ezanni berkata, siasatan susulan JAS Isnin lalu turut mendapati SWM sudah menghantar empat lagi jengkaut untuk membantu mempercepatkan kerja pepadaman oleh JBPM.

"Selain itu SW Corp memaklumkan akan memohon bantuan dari

INFO ● Kebakaran dipercayai berpunca daripada pembakaran di tapak pelupusan haram berhampiran

SWM Pontian dan Johor Bahru untuk sediakan lori tangki serta pemancut air," katanya.

Terdahulu, media melaporkan kebakaran berskala besar berlaku di

tapak pelupusan sampah milik MDP di Pekan Nanas, Pontian.

Sementara itu, Exco Alam Sekitar Johor, Datuk Ayub Rahmat berkata, kebakaran difahamkan berpunca daripada pembakaran di tapak pelupusan haram berhampiran dan usaha memadamkannya dilakukan bomba.

Katanya, kebakaran itu menyebabkan kawasan di sekitar Johor Bahru mengalami jerebu.